

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
PERNIAGAAN
Kertas 1
November
1 ¼ jam

3766/1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1. Apakah tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat?

- A Menawarkan barang dan perkhidmatan
- B Mewujudkan peluang pekerjaan
- C Menambahkan pendapatan negara
- D Membantu masyarakat setempat


2. Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu bentuk perniagaan.

- Sebuah perniagaan yang ditubuhkan dengan kerjasama antara dua atau lebih individu.
- Terikat dengan sebuah perjanjian yang dibincang bersama-sama.

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Milikan Tunggal
- B Syarikat Berhad
- C Perkongsian
- D Koperasi

3. Rajah 1 menunjukkan aktiviti dalam sektor perniagaan.



Rajah 1

Pernyataan manakah yang menunjukkan aktiviti sektor **Z**?

- A. Aziz mengusahakan ternakan kambing warisan bapanya.
- B. Ali mengusahakan kilang keropok di premis yang disewanya.
- C. Mak Bedah menanam pokok cili di belakang rumahnya
- D. Encik Yim membuka bengkel kereta di Pekan Parit Yaani.

4. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kerepek Ratu Rangup

Perniagaan Kerepek Ratu Rangup dimiliki oleh seorang pengusaha kilang kerepek di Parit Raja, Batu Pahat iaitu Encik Amar. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek seperti kerepek pisang dan kerepek ubi yang diedarkan melalui para pemborong di seluruh Malaysia. Beliau menggaji seramai 80 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada puratanya jasil jualan tahunan adalah sebanyak RM 15 juta.

Saiz, sakala dan sektor perniagaan Kerepek Ratu Rangup ialah

	Saiz	Skala	Sektor
A	kecil	tempatan	tertier
B	sederhana	kebangsaan	sekunder
C	sederhana	negeri	primer
D	besar	kebangsaan	sekunder

5. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

PERNIAGAAN O	PERNIAGAAN P
<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran dalam urusan guaman 	<ul style="list-style-type: none"> Barang berasaskan getah
<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai 85 orang pekerja tetap 	

Apakah klasifikasi perniagaan bagi perniagaan X dan Y?

	PERNIAGAAN O		PERNIAGAAN P	
	SAIZ	SEKTOR	SAIZ	SEKTOR
A	Sederhana	Pembuatan	Sederhana	Pertanian
B	Sederhana	Pembuatan	Besar	Pertanian
C	Besar	Perkhidmatan	Sederhana	Pembuatan
D	Besar	Perkhidmatan	Besar	Pembuatan

6. Gambar 1 berkaitan dengan agensi kerajaan.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah merupakan peranan agensi tersebut?


- A. Menyediakan latihan dan pembangunan usahawan
- B. Menyediakan sumber kewangan kepada usahawan.
- C. Mempromosikan aktiviti perdagangan di Malaysia.
- D. Menjamin kedudukan kewangan pencarum pada usia tua.

7. Antara berikut, yang manakah menerangkan kesan deflasi?

- I. Penduduk kehilangan pekerjaan
- II. Meningkatkan kuasa beli penduduk
- III. Menurunkan penawaran barang di pasaran
- IV. Menurunkan permintaan barang di pasaran

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

8. Rajah 2 menunjukkan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi.



Rajah 2

Apakah kesan jangka masa panjang keadaan X kepada ekonomi negara?

- A. Permintaan terhadap barangan meningkat
- B. Wujud lambakan produk dalam negara
- C. Kuasa beli pengguna meningkat
- D. Pengangguran berkurangan


9. Apakah faktor luaran yang menyebabkan aktiviti perniagaan mengalami penurunan?
- Pekerja kurang bermotivasi
 - Strategi pemasaran yang kurang berkesan
 - Kos pengeluaran semakin meningkat
 - Keadaan ekonomi semakin lembap

10. Maklumat berikut menunjukkan sesuatu keadaan di pasaran.

Syarikat X memplagiat reka bentuk produk Syarikat Y kerana reka bentuk produk tersebut mendapat sambutan yang hangat dalam pasaran.

Akta yang manakah boleh digunakan untuk mengatasi masalah di atas?

- | | |
|-----------------------|-------------------------|
| A. Akta Kontrak 1950 | C. Akta Hak Cipta 187 |
| B. Akta Syarikat 1965 | D. Akta Persaingan 2010 |
- C.
11. Gaya pengurusan manakah yang menunjukkan tindakan majikan yang tegas bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan?
- Gaya Pengurusan Sokongan
 - Gaya Pengurusan Sederhana
 - Gaya Pengurusan Autokratik
 - Gaya Pengurusan Laissez-faire
12. Rajah 3 menunjukkan graf jualan sebuah perniagaan untuk suatu tempoh



Rajah 3

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi graf tersebut?

- Berlaku bencana alam
 - Gaya pengurusan yang cekap dan sistematik
 - Penyelidikan dan pembangunan sangat berjaya
 - Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan kurang berkesan
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

13. Apakah maksud visi?
- Penetapan perancangan organisasi melibatkan fokus untuk jangka masa panjang
 - Panduan dan sasaran yang boleh diukur untuk membantu pencapaian organisasi
 - Pembentukan maklumat yang lebih khusus untuk mencapai matlamat organisasi
 - Pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan atau matlamat sesebuah perniagaan
14. Apakah tujuan perniagaan membuat penetapan misi?
- Untuk mencapai matlamat perniagaan dalam jangka masa lima tahun
 - Menggambarkan satu sasaran yang ingin dicapai secara spesifik dan khusus.
 - Memudahkan pihak pengurusan yang terlibat untuk mengagihkan setiap sumber
 - Untuk mendorong pihak yang terlibat dalam sesebuah organisasi memahami dan bekerjasama
15. Gambar 2 menunjukkan suatu perubahan yang mewujudkan pasaran peluang dan pasaran baharu yang lebih banyak kepada usahawan



Gambar 2

Apakah faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan tersebut?

- Teknologi
 - Pemasaran
 - Sosiobudaya
 - Penyelidikan & Pembangunan
16. Antara berikut, manakah yang digambarkan dalam carta organisasi?
- Jenis Tugas
 - Hierarki Pekerja
 - Jadual Waktu bekerja
 - Hubungan antara ketua dengan pekerja
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

17. Pernyataan manakah yang tepat mengenai bahagian fungsian sumber manusia?
- A. Menyelesaikan masalah pelanggan
 - B. Memastikan bahan mentah mencukupi
 - C. Menyediakan dokumen mesyuarat dan program syarikat
 - D. Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang mencukupi
18. Maklumat yang berikut berkaitan dengan tugas yang perlu dilakukan oleh Encik Amir di Syarikat pengangkutan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Melengkapkan dokumen penghantaran• Menyediakan jadual pergerakan kenderaan• Menyelesaikan masalah proses pengedaran |
|---|

Di bahagian manakah Encik Amir bertugas?


- A. Bahagian fungsian jualan
 - B. Bahagian fungsian pemasaran
 - C. Bahagian fungsian pengagihan
 - D.. Bahagian fungsian pentadbiran
19. Maklumat di bawah berkaitan dengan Puan Sabrina.

Puan Sabrina merupakan pemilik perniagaan Sabrina Trading dan ingin memasarkan produk kecantikan yang dihasilkan secara atas talian untuk memudahkan urusan perniagaan.

Apakah kaedah yang boleh digunakan agar pelanggan mudah untuk membuat tempahan dengan segera?

- A. e-pemasaran
- B. e-government
- C. e-banking
- D. Laman sosial

20. Rajah 4 menunjukkan proses komunikasi.



Rajah 4

Apakah unsur X dan Y ?

	X	Y
A.	Enkod	Gangguan
B.	Maklum balas	Enkod
C.	Gangguan	Enkod
D.	Enkod	Maklum balas

21. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Prestasi dan motivasi pasukan boleh dipertingkatkan melalui latihan dan kursus secara intensif.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia tersebut?

- A Prestasi Pasukan
- B Pemantapan budaya profesional
- C Latihan peningkatan dan kemahiran
- D Menggalakkan kreativiti dan inovasi

22. Maklumat yang berikut berkaitan dengan aspek dalam pengelolaan sumber manusia.

Pekerja yang berprestasi tinggi harus diberi penghargaan.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia dalam situasi di atas


- A Sistem pengajian
- B Penempatan pekerja
- C Penghargaan dan hukuman
- D Standard prosedur operasi tugas (SOP)

23. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh Aisyah.

Aisyah merupakan seorang mahasiswa yang baru tamat pengajian dalam bidang perakaunan.
Dia ingin memohon suatu jawatan sebagai akauntan di Syarikat SmartCar Sdn.Bhd.

Apakah kemahiran kebolehkeraan yang terdapat pada Aisyah?

- A. Kerja Berpasukan
B. Kemahiran Komunikasi
C. Keupayaan Pembelajaran
D. Kelayakan Bersesuaian
24. Bagaimanakah sesebuah perniagaan menguruskan sumber teknologi?
- I Memohon hak cipta terpelihara
II Mendapatkan perlindungan insurans
III Membuat penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang
IV Membuat pendaftaran dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
25. Gambar 3 berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi.



Gambar 3

Apakah tindakan perniagaan untuk melindungi hasil ciptaannya supaya tidak disalah guna untuk kepentingan pihak lain?

- A. Mendaftar paten
B. Mendaftar cap dagangan
C. Mendapatkan lesen perisian
D. Memohon hak cipta terpelihara

26. Penyataan manakah yang tepat berkaitan prosedur mengurus sumber teknologi bagi sebuah syarikat perfileman?

- A. Menghasilkan pelbagai jenis filem dan didokumentasikan
- B. Menyediakan pelbagai kamera berteknologi tinggi
- C. Mendaftar hak cipta karya filem dengan MyIPO
- D. Menginsuranskan kamera dan peralatan

27. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Roslan.

Encik Rahimi merupakan pengurus penyelidikan dan pembangunan di sebuah syarikat kereta bertaraf antarabangsa

Mengapakah Encik Roslan bertindak mendaftar paten bagi reka cipta kereta baharunya?

- A. Memastikan hasil kereta mendapat pasaran
- B. Memastikan reka cipta mudah diguna pakai
- C. Memastikan reka cipta menjadi hak milik syarikat
- D. Memudahkan syarikat bersaing dengan pengeluar lain

28. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Encik Rahman ingin membeli sebuah lori, beliau telah menggunakan jenis pembiayaan yang memerlukan beliau membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM15 000 dan bayaran bulanan RM 1 800 selama 9 tahun

Apakah jenis pembiayaan yang Encik Rahman gunakan?

- A. Pemfaktoran
- B. Sewa beli
- C. Overdraf
- D. Pajakan

29. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan perniagaan.

Puan Zara memulakan perniagaan minuman yang berhampiran dengan Kawasan rumahnya menggunakan wang simpanan sendiri sebanyak RM6 000.

Antara berikut, manakah merupakan kelebihan sumber pembiayaan tersebut?

- I. Tidak melibatkan kos tambahan
- II. Tertakluk terma dan syarat
- III. Perlukan penjamin
- IV. Cepat dan ringkas

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

30. Antara berikut, susunan proses pendaftaran penubuhan perniagaan Pasaraya Maju Bintang manakah yang betul?.

- I. Membayar RM30 menggunakan nama sendiri
 - II. Mengisi borang carian nama (Borang PNA42)
 - III. Memperolehi Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan
 - IV. Menghantar borang pendaftaran ke SSM
- A. II, IV, I dan III
 - B. I, II, III dan IV
 - C. IV, III dan I
 - D. III, I, IV dan II

31. Siapakah yang menggunakan maklumat dalam penyata kewangan sebagai rujukan untuk mengetahui kemampuan membayar hutang dan kredit.

- A. Pelabur
- B. Pembiaya
- C. Pembekal
- D. Pemilik

32. Maklumat berikut diambil dari perniagaan Klasik Jaya Sdn Bhd.

Aset Semasa	RM66 000
Liabiliti Semasa	RM33 000
Untung Bersih	RM30 000

Hitungkan nisbah semasa?

- A. 1.0 kali
- B. 1.8 kali
- C. 2.0 kali
- D. 2.7 kali

33. Maklumat di bawah adalah perbandingan prestasi dalam dua tahun Perniagaan Encik Lim.

Tahun	2018	2019
Kadar pusing ganti stok	3.0 kali	3.8 kali

Penyataan manakah benar tentang justifikasi prestasi perniagaan beliau?

- A. Perniagaan Encik Lim mengurus stok lebih baik pada tahun 2018 berbanding tahun 2019
- B. Perniagaan Encik Lim mengurus stok dengan cekap tahun 2019 berbanding tahun 2018
- C. Tahun 2019 pengurusan stok telah diganti sebanyak 3.0 kali dalam setahun berbanding tahun 2018
- D. Tahun 2018 pengurusan stok telah diganti sebanyak 3.8 kali dalam setahun berbanding tahun 2019

34. Apakah kekuatan diri yang perlu ada pada seseorang yang menjadi usahawan?

- A. Penampilan diri yang menarik
- B. Menyelesaikan masalah yang penting dahulu
- C. Kemahiran pembangunan karakter diri
- D. Berkeupayaan untuk mencapai kejayaan

35. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Malina.

Puan Malina mengusahakan Kilang Biskut Enak di Batu Pahat. Beliau telah menggaji 20 orang pekerja bagi melancarkan aktiviti pengeluaran untuk pasaran negeri Johor.

Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?

- I. Menyediakan peluang pekerjaan
 - II. Memenuhi keperluan dan kehendak
 - III. Memupuk minat keusahawanan
 - IV. Merupakan sumber pendapatan keluarga
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

36. Antara berikut, manakah pemilikan perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A. Syarikat Aman Jaya Berhad
- B. Pasar Raya Berkat Azyani
- C. Koperasi Sri Merah
- D. Bintang Cahaya PLT

37. Antara berikut, manakah pasangan dokumen perniagaan yang betul.

	Dokumen	Skop Dokumen
A	Invois	Rekod Jualan
B	Memo	Rekod Kos Operasi
C	Penyata Bank	Rekod Pembelian
D	Slip daftar tunai	Rekod Transaksi Bank

38. Manakah persamaan antara pemasaran dan jualan?

- A. Mengagihka barang kepada pengguna pada masa yang diperlukan
- B. Membekalkan barang kepada pengguna
- C. Menjana keuntungan perniagaan
- D. Memenuhi keperluan pengguna

Pilihan jawapan bagi soalan 39 hingga 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Penyataan I	Penyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

39. I Jualan adalah aktiviti pertukaran hak milik sesuatu produk antara pembeli dengan penjual

II Promosi jualan melibatkan pelbagai insentif seperti cabutan bertuah dan pemberian kupon

40. I Kepentingan menyediakan rancangan perniagaan ialah memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti

II Rancangan kewangan terletak di bahagian akhir dalam susun atur format rancangan perniagaan

SOALAN TAMAT